# UPM terima kunjungan Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin

Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

LIHAT JUGA




Fatin Amirah YDI
(/berita/fatin_am




UPM dan My Cy
regeneratif untuk
(/berita/upm_dar
ubatan_regenera




Tambah pendapa
Ramadan
(/berita/tambah_
r_ramadan-7226

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000
+603-9769 1000
---
@ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)



**SERDANG, 27 Januari** – Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin mengadakan lawatan kerja ke Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mengadakan perbincangan mengenai hala tuju serta nic UPM dalam pengajaran, penyelidikan dan peranan universiti membantu negara menangani krisis makanan negara.

Kunjungan itu dihadiri oleh pengurusan tertinggi KPT bersama pengurusan UPM serta wakil pemimpin UPM.

Dato' Seri Mohamed Khaled berkata harapan beliau untuk melihat UPM terus utuh dalam pengajian dan penyelidikan sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk sektor pendidikan tinggi negara yang berkualiti serta meyakinkan pelajar luar negara untuk menyambung pengajian di Malaysia.

"Ini secara langsung membantu KPT dalam menjayakan sektor pendidikan negara dan setiap institusi pengajian tinggi mempunyai peranan dan kekuatan untuk menyumbang ilmu serta penyelidikan di dalam dan luar negara," katanya.



Beliau berkata, UPM mempunyai peranan untuk melihat bagaimana negara terkesan dari cabaran ketidakcukupan makanan serta bagaimana mengatasi isu tersebut yang kini menjadi salah satu isu negara yang penting.

“Saya percaya dengan segala kekuatan yang ada pada UPM dari segi tenaga akademik serta penyelidikan bersama dengan industri dan masyarakat boleh berperanan membantu negara dalam berhadapan dengan cabaran keterjaminan makanan pada hari ini,” katanya.

Beliau juga menyatakan dengan kekuatan UPM yang mempunyai pelbagai hasil penyelidikan boleh menyediakan program-program yang kukuh kepada masyarakat melalui social entrepreneurship dan juga social innovation.

“Ini adalah penting untuk universiti membawa penemuan-penemuan ilmu penyelidikan yang baharu kepada masyarakat untuk menjayakan negara serta perlu menunjukkan peranan universiti untuk umum percaya dengan kualiti pengajian tinggi negara,” katanya.




Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata kunjungan itu adalah sangat bermakna kerana ini membuktikan UPM sentiasa mendapat perhatian kerajaan terutamanya dalam sektor pertanian sejajar dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025.

"UPM komited untuk bersama-sama berganding bahu dalam memastikan agenda pertanian dan keterjaminan makanan serta kolaborasi dan pertukaran ilmu penyelidikan untuk kemapanan kelestarian pertanian yang memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.

Sebelum ini, UPM diberikan mandat oleh KPT untuk membangunkan Program Bacelor Teknologi Pertanian Pintar bagi memenuhi hasrat menghasilkan graduan yang bakal menerajui sektor pertanian pintar negara.

Dato' Seri Khaled turut mendengar pembentangan mengenai Fokus dan Pencapaian UPM berkaitan Keberhasilan dan Impak Penyelidikan UPM dalam Memperkasakan Pertanian dan Keselamatan Makanan serta Impak Inisiatif Jaringan Komuniti dan Industri di UPM ke Arah Memperkasakan Pertanian dan Keselamatan Makanan Negara yang disampaikan oleh Pengurusan UPM.

Dalam pada itu, YB Menteri turut dibawa berkunjung ke reruai pameran kluster Pertanian UPM untuk meninjau produk pertanian UPM. - UPM

Tarikh Input: 30/01/2023 | Kemaskini: 01/02/2023 | hairul_nizam



**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_terima_kunjungan_dato_seri_mohamed_khaled_nordin-71132&title=UPM%20Terima%20Kunjungan%20Dato%E2%80%99%20Seri%20Mohamed%20Khaled%20Nordin%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

## HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

## PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

## PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)
Keluarga Malaysia (https://keluargamalaysia.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

## PAUTAN PANTAS

**FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)**
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)
Takwim UPM 2023 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20221222122346LAMPIRAN_1_TAKWIM_MAJLIS_RASMI_UPM_2023.pdf)

(http://putra.upm.edu.my)
(http://www.pertanika.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/)
Hubungi Kami
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Dokumen
(http://reg.upm.edu.my/eISO/)
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2023 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR